



PASUKAN D'Poudre Sdn. Bhd. dari UTM dinobatkan sebagai johan keseluruhan dan Anugerah Ketua Pegawai Eksekutif Terbaik dalam pertandingan Cabaran Keusahawanan Antarabangsa Keempat di PICC, Putrajaya baru-baru ini ini.

UTM juara Cabaran Keusahawanan Antarabangsa

PUTRAJAYA 4 Feb. - Syarikat D'Poudre Sdn. Bhd. yang diwakili lima mahasiswa Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dinobatkan sebagai juara pertandingan Cabaran Keusahawanan Antarabangsa Keempat dalam majlis penutup pertandingan itu baru-baru ini.

Kemenangan membolehkan kelima-lima pelajar Ijazah Sarjana Perakaunan universiti itu membawa pulang wang tunai RM10,000 beserta piala pusingan, piala iringan, pingat dan sijil.

Lebih manis, syarikat itu juga berjaya merangkul anugerah Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) terbaik yang dimenangi oleh ketua kumpulan, Nor Fatimah Ramle dengan hadiah wang tunai RM1,000 dan sijil.

D'Poudre dianggotai Loh Choon Chiat, Nor Fatimah Ramle, Jackson Tee Vui Yang, Filzah Husna Rizal dan Nurul Fathiatul Azwani Johar selain menyerahkan kanan Fakulti Pengurusan UTM, Mohamed Fuad Ahmad sebagai penasihat. Syarikat Wowkawkaw Sdn. Bhd. dari Universiti Islam Antarabangsa

Malaysia terpaksa berpuas hati sebagai naib juarab dengan hadiah wang tunai RM5,000 manakala tempat ketiga dimenangi oleh syarikat Dysoft Global Sdn. Bhd. dari Universiti Putra Malaysia (UPM) yang membawa pulang RM3,000 selain masing-masing turut menerima pingat dan sijil.

Cabaran Keusahawanan Antarabangsa yang disertai 45 penuntut dari pelbagai universiti awam dan swasta itu merupakan program pengurusan perniagaan dalam kalangan mahasiswa di mana peserta perlu menubuhkan sebuah syarikat perniagaan dalam pelbagai bidang khususnya berkaitan penyelidikan dan pembangunan (R&D).

Program yang berlangsung sejak 16 hingga 26 Januari lalu merupakan anjuran Institut Pembangunan Keusahawanan dan Koperasi, Universiti Utara Malaysia (UUM) dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Tinggi serta MyPEC Sdn. Bhd.

Terdahulu, Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan Tinggi, Prof. Datuk

Dr. Asma Ismail berkata, program tersebut selaras dengan Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) iaitu memperluaskan hubungan dan kerjasama antara setiap universiti bagi mengetepikan 'budaya silo' sebagai usaha membawa sistem pendidikan negara lebih ke hadapan.

Menurutnya, program seumpama itu sekali gus membantu golongan pelajar yang akan menamatkan pengajian mengatur masa depan mereka agar tidak cenderung menjadi pencari kerja sebaliknya berusaha untuk bergelar pereka kerjaya.

"Saya mencadangkan agar pada masa akan datang, program ini lebih memberi tumpuan terhadap perniagaan R&D yang prospeknya lebih besar dan dapat membantu memperluaskan industri inovasi dalam negara ke pasaran yang lebih luas," katanya.

Sementara itu, Nor Fatimah ketika ditemui berkata, meskipun syarikat D'Poudre belum benar-benar beroperasi kerana ia ditubuhkan hanya untuk pertandingan namun mereka bercadang untuk menjadikannya sebagai kenyataan.